



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PENGARUH KEPIMPINAN BERETIKA PENGETUA TERHADAP KECEKAPAN MORAL GURU SUBJEK PENGURUSAN DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA, PERAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NOR FAHANA BINTI MAT NAWI**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



pt'

## **PENGARUH KEPIMPINAN BERETIKA PENGETUA TERHADAP KECEKAPAN MORAL GURU SUBJEK PENGURUSAN DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA, PERAK**

**NOR FAHANA BINTI MAT NAWI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\  
 Kertas Projek  
 Sarjana Penyelidikan  
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
 Doktor Falsafah


## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) 3 (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, NOR FAHANA BINTI MAT NAWI, M20162001891, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH KEPIMPINAN BERETIKA PENGETUA TERHADAP KECEKAPAN MORAL GURU SUBJEK PENGURUSAN DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA, PERAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. KHUAN WAI BING dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH KEPIMPINAN BERETIKA PENGETUA TERHADAP KECEKAPAN MORAL GURU SUBJEK PENGURUSAN DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA, PERAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN).

29/3/2021

Tarikh :

Tandatangan Penyelia

Associate Professor Dr. Zuraidah Zainol  
 Head of Department  
 Department of Business Management & Entrepreneurship  
 Faculty of Management & Economics  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH KEPIMPINAN BERETIKA PENGETUA TERHADAP KECEKAPAN MORAL GURU SUBJEK PENGURUSAN DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA, PERAK

No. Matrik / Matic's No.: M20162001891

Saya / I : NOR FAHANA BINTI MAT NAWI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Amf.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 29/3/2021

Zainol

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

**Associate Professor Dr. Zuraidah Zainol**  
Head of Department  
Department of Business Management  
& Entrepreneurship

**Management & Economics**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkaitan mengenai sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT@TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Yang Maha Esa kerana memberi kesabaran, kekuatan, dan kesihatan yang baik dalam menyiapkan kajian ini. Semoga Allah memberi anugerah dan rahmat kepada kita semua. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan kakitangan di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi kerana memberi peluang kepada saya untuk menyelesaikan kajian ini dengan sempurna sebagai syarat bagi memperolehi Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perniagaan). Selain itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya yang disanjungi, Profesor Madya Dr. Khuan Wai Bing yang banyak memberi nasihat, bimbingan, sokongan, perkongsian pengalaman, semangat dan teguran sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Kajian ini tidak mungkin akan siap dengan sempurna tanpa bantuan daripada beliau. Saya juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada kawan-kawan dan pensyarah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi bantuan kerjasama, kata-kata semangat, dan galakan bagi menyelesaikan kajian ini dengan sempurna. Penghargaan yang ikhlas dengan ucapan sekalung terima kasih kepada kesemua responden saya dan pihak sekolah yang sudi memberi kerjasama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada suami, ibu, dan keluarga yang tidak putus memberi galakan, semangat dan sokongan moral sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Saya akhiri dengan ucapan mohon maaf sekiranya terdapat kesilapan atau kekurangan dalam proses menyelesaikan kajian ini. Saya juga berharap kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan pada masa akan datang.

Selain itu, rakan seperjuangan di universiti ini yang banyak membantu saya dalam hal ehwal pelajaran iaitu Haiza, Ilham, Abby, Aini dan Huda saya berterima kasih terhadap segala tunjuk ajar yang diberikan. Tidak ketinggalan sahabat-sahabat sejati di luar universiti iaitu Ezana, Rima, Jane dan Amira yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan sokongan kepada saya untuk meneruskan pengajian ini sehingga akhir. Segala kebaikan dan keprihatinan kalian kepada saya akan saya kenang sampai bila-bila. Semoga Allah merahmati kita semua. Amin.

Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh kepimpinan beretika yang diamalkan oleh pengetua terhadap kecekapan moral guru mata pelajaran pengurusan di sekolah menengah harian Daerah Larut Matang dan Selama, Perak. Guru mata pelajaran pengurusan yang terlibat terdiri daripada guru mata pelajaran Ekonomi, Perniagaan, Pengajian Keusahawanan, Perdagangan dan Prinsip Akaun. Kajian ini mengkaji multidimensi kepimpinan beretika iaitu penjagaan beretika, kritikan beretika, dan keadilan beretika. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Seramai 175 orang guru mata pelajaran pengurusan dari 31 buah sekolah menengah harian di Daerah Larut Matang dan Selama, Perak dijadikan sampel kajian. Sampel kajian telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Instrumen kajian adalah borang soal selidik. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Analisis deskriptif yang digunakan ialah min, sisihan piawai dan peratus. Analisis inferens yang digunakan adalah ujian korelasi Pearson dan regresi pelbagai. Dapatan kajian menunjukkan penjagaan beretika pengetua terhadap kebijakan, keperluan dan perhatian terhadap guru matapelajaran pengurusan adalah secara tertinggi ( $M = 4.60$ ,  $SP = 0.547$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, tetapi lemah di antara kepimpinan beretika pengetua dengan kecekapan moral guru mata pelajaran pengurusan ( $r = 0.489$ ,  $p < 0.05$ ). Diantara ketiga-tiga dimensi kepimpinan tersebut, dimensi keadilan beretika menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat dan signifikan dengan kepimpinan beretika pengetua ( $r = 0.920$ ,  $p < 0.05$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan keadilan beretika pengetua mempengaruhi kecekapan moral guru mata pelajaran pengurusan secara signifikan [ $\beta = 1.961$ ,  $p < 0.05$ ]. Kesimpulannya, sikap kepimpinan beretika pengetua memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan moral guru mata pelajaran pengurusan. Implikasinya, dapatan kajian dapat memberi informasi kepada pengetua bahawa mereka merupakan contoh dan model kepada orang bawahan. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membuat pendedahan awal tentang ciri-ciri kepimpinan beretika pengetua kepada bakal pengetua daripada segi penyediaan kursus dan latihan pemantapan kepimpinan beretika pengetua





## **THE INFLUENCE OF PRINCIPALS' ETHICAL LEADERSHIP ON MORAL COMPETENCE OF MANAGEMENT SUBJECT'S TEACHERS AT LARUTMATANG AND SELAMA DISTRICTS, PERAK**

### **ABSTRACT**

This study aimed to determine the influence of ethical leadership practiced by principals on moral competence of the management subject's teachers at secondary school in Larut Matang and Selama Districts, Perak. The management teachers comprised of Economics, Business, Entrepreneurship Studies, Commerce and Principle Accounting subjects. This study examined the multidimensions of ethical leadership that are ethics of care, ethics of criticism, and ethics of justice. This study employed a quantitative approach. A total of 175 management subject teachers from 31 secondary schools at Larut Matang and Selama Districts, Perak were selected as sample of the study. The sample of the study was chosen using simple random sampling. Instrument of the study is questionnaires. The data were analysed using descriptive and inferential statistics. Descriptive analysis used are mean, standard deviation, and percentage. Meanwhile, inferential analysis used are Pearson correlation and multiple regression. The finding showed that ethics of care towards welfare, needs, and attention to management subject teachers with the highest ( $M = 4.60$ ,  $SP = 0.547$ ). The findings also showed a significant, but weak relationship between principals' ethical leadership with moral competence of management subject teachers ( $r = 0.489$ ,  $p < 0.05$ ). Among the three dimensions of ethical leadership, the dimension of ethics of justice had a strong significant relationship with principals' ethical leadership ( $r = 0.920$ ,  $p < 0.05$ ). The finding also showed that ethics of justice significant influence moral competence of the management subject teachers [ $\beta = 1.961$ ,  $p < 0.05$ ]. As a conclusion, the attitude of principals' ethical leadership play an important role to enhance moral competence of the management subject teachers. In implication, the findings provide information to the principals that they are role models to the subordinates. The results of the study can also be used as a reference to the State Education Department and the Ministry of Education Malaysia in giving early exposure on ethical characteristics of principals in terms of providing courses and leadership training to future principals.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
---	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
-----------------------	-----

<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
----------------------	-----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
--------------------------	----

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
-------------------------	-----



### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Hipotesis Kajian	9
1.8 Kerangka Teori Kajian	9
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.10 Kepentingan Kajian	16





1.11 Batasan Kajian	18
1.12 Definisi Operasional	19
1.12.1 Pemimpian	19
1.12.2 Kepimpinan	19
1.12.3 Kepimpinan Beretika	20
1.12.4 Keadilan Beretika	21
1.12.5 Kritikan Beretika	21
1.12.6 Penjagaan Beretika	22
1.12.7 Kecekapan Moral	22
1.12.8 Subjek Pengurusan	23
1.13 Rumusan	23



2.1 Pengenalan	24
2.2 Peranan Pengetua Sekolah Menengah Harian	25
2.3 Definisi Pemimpin	28
2.4 Definisi Kepimpinan	31
2.5 Kepimpinan Beretika	33
2.6 Keadilan Beretika	35
2.7 Kritikan Beretika	37
2.8 Penjagaan Beretika	39
2.9 Kecekapan Moral	41
2.10 Hubungan di antara Kepimpinan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Moral Guru	43
2.7 Rumusan	44





## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.3 Proses Prosedur Kajian	48
3.4 Populasi dan Persampelan Kajian	49
3.5 Instrumen	51
3.6 Kajian Rintis	56
3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	57
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	59
3.8 Analisis Data	59
3.8.1 Analisis Deskriptif	60
3.8.2 Analisis Inferensi	61
3.8.2.1 Analisis Pekali Korelasi	61
3.8.2.2 Analisis Regresi Pelbagai	62
3.11 Rumusan	62



## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	63
4.2 Analisis Deskriptif Berdasarkan Maklumat Demografi Responden	64
4.2.1 Profile Responden	64
4.3 Analisis Deskriptif Bagi Tahap Kepimpinan Beretika Pengetua Berdasarkan Dimensi-Dimensi Kepimpinan Beretika	66
4.3.1 Tahap Etika Kepimpinan Pengetua	67
4.3.2 Analisis Keadilan Beretika	71





4.3.3 Analisis Kritikan Beretika	74
4.3.4 Analisis Penjagaan Beretika	77
4.4 Analisis Kecekapan Moral	81
4.5 Analisis Kenormalan Data Responden	83
4.6 Analisis Inferensi Hubungan Kepimpinan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Moral Guru	84
4.6.1 Hubungan Dimensi Keadilan Beretika Dengan Kecekapan Moral	85
4.6.2 Hubungan Dimensi Kritikan Beretika Dengan Kecekapan Moral	86
4.6.3 Hubungan Dimensi Penjagaan Beretika Dengan Kecekapan Moral	87
4.7 Analisis Regresi	87
4.7.1 Analisis Regresi Bagi Melihat Pengaruh Kepimpinan Beretika Pengetua Terhadap Kecekapan Moral Guru	89
4.7.2 Analisis Rergresi Bagi Melihat Keadilan Beretika, Kritikan Beretika, dan Penjagaan Beretika Terhadap Kecekapan Moral Guru	90
4.8 Rumusan	92

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan	93
5.2 Rumusan Kajian	94
5.3 Perbincangan	95
5.3.1 Tahap Kepimpinan Beretika Pengetua	96
5.3.2 Tahap Kecekapan Moral Guru Terhadap Kepimpinan Pengetua	97
5.3.3 Hubungan Antara Kepimpinan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Guru Subjek	98





## Pengurusan

5.4 Implikasi Kajian 99

5.5 Cadangan Daripada Kajian 100

5.6 Cadangan Kepada Kajian Lanjutan 102

5.6 Rumusan 103

**RUJUKAN** 104

**LAMPIRAN**





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
3.1	Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan, 1970)	50
3.2	Nombor Soalan Mengikut Bahagian	52
3.3	Item Untuk Mengukur Kepimpinan Beretika Pengetua	53
3.4	Item Untuk Mengukur Keadilan Beretika	54
3.5	Item Untuk Mengukur Kritikan Beretika	55
3.6	Item Untuk Mengukur Penjagaan Beretika	55
3.7	Item Untuk Mengukur Kecekapan Moral	56
3.8	Interpretasi Skor Alpha-Cronbach (Bond & Fox, 2007)	58
3.9	Statistik Kebolehpercayaan	58
3.10	Tahap Skor Min	60
3.11	Tafsiran Mengikut Saiz Pekali Korelasi (Chua, 2006)	61
4.1	Profil Responden	65
4.2	Tahap Deskriptif Etika Kepimpinan Pengetua	67
4.3	Analisis Deskriptif Secara Keseluruhan	70
4.4	Analisis Deskriptif Kepimpinan Beretika Dengan Dimensi Keadilan Beretika	71
4.5	Analisis Deskriptif Kepimpinan Beretika Dimensi Dengan Kritikan Beretika	75
4.6	Analisis Deskriptif Kepimpinan Beretika Dimensi Dengan Penjagaan Beretika	78
4.7	Analisis Deskriptif Kecekapan Moral	81





4.8	Nilai Skewness dan Kurtosis Ujian Normaliti	83
4.9	Keputusan Ujian Korelasi Antara Kepimpinan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Moral Guru (N=175)	84
4.10	Keputusan Ujian Korelasi Antara Keadilan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Moral Guru (N=175)	85
4.11	Keputusan Ujian Korelasi Antara Kritikan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Moral Guru (N=175)	86
4.12	Keputusan Ujian Korelasi Antara Penjagaan Beretika Pengetua Dengan Kecekapan Moral Guru (N=175)	86
4.13	Analisis Kebagusan Model	88
4.14	Analisis Ujian ANOVA Pengaruh Kepimpinan Beretika Pengetua Terhadap Kecekapan Moral Guru	88
4.15	Analisis Regresi Bagi Melihat Pengaruh Kepimpinan Beretika Terhadap Kecekapan Moral Guru	89
4.16	Analisis Kebagusan Model	90
4.17	Analisis Ujian ANOVA Pengaruh Keadilan Beretika, Kritikan Beretika Dan Penjagaan Beretika Terhadap Kecekapan Moral Guru	90
4.18	Analisis Regresi Bagi Melihat Pengaruh Keadilan Beretika, Kritikan Beretika, dan Penjagaan Beretika Terhadap Kecekapan Moral Guru	91





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori ' <i>Multiple Ethical Paradigms</i> ' (Starratt, 1994)	10
1.2 Rajah Konseptual Kajian Menunjukkan Pengaruh Antara Kepimpinan Beretika Pengetua Terhadap Kecekapan Moral Guru Subjek Pengurusan	14
2.1 Teori-Laluan-Matlamat (Northouse, 2016)	29
3.1 Proses Aliran Prosedur Penyelidikan	48
4.1 <i>Scatterplot (Regression Standardized Residual)</i>	88





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI SINGKATAN

EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NPQH	<i>The National Professional Qualification for Headship</i>
SPSS	<i>The statistical package for social science</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Sekolah Menengah Di Daerah Larut Matang & Selama, Perak
- B Surat Pengesahan Pelajar, Surat Kebenaran Membuat Kajian Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia & Surat Kebenaran Membuat Kajian Daripada Jabatan Pelajaran Negeri
- C Instrument Soal Selidik





## BAB 1

### PENGENALAN



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menitikberatkan kualiti pendidikan kerana pendidikan merupakan pelaburan utama dalam pembangunan individu dan melahirkan modal insan yang cemerlang. Kerjasama di antara pemimpin sekolah dan guru seharusnya dibentuk bagi merealisasikan pendidikan berkualiti untuk membina generasi yang cemerlang dan terbilang.

Kepimpinan beretika pengetua merupakan aspek utama dalam pembentukan organisasi dan kecemerlangan pendidikan di sekolah (Yusof & Cheah, 2020). Kecemerlangan dan kegagalan di sekolah ditentukan oleh pemimpin kerana pemimpin merupakan model utama ke arah mencapai matlamat dan objektif sekolah (Hamedah & Normah, 2010). Sikap kepimpinan pemimpin merupakan satu sikap dan bakat semula





jadi yang mampu mempengaruhi pekerja dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab (Celland, 2004). Pengetua perlu mempunyai kepimpinan beretika yang tinggi kerana pengetua memainkan peranan penting dan bertanggungjawab untuk memupuk kecekapan moral guru. Pengetua yang memiliki kepimpinan beretika yang berkesan adalah pengetua yang mempunyai ciri-ciri seperti berpengetahuan luas, kejujuran dan berintegriti, berhubungan baik, berkomitmen serta kreatif dan inovatif bagi meningkatkan mutu kecekapan moral guru, seterusnya peningkatan prestasi pelajar (Rojiehah, 2009). Kepimpinan pengetua dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah dapat mempengaruhi hasil kerja dan mendidik orang bawahan berdisiplin dalam kerja (David, 2007). Menurut Nurul Syafiqah dan Jamalul Lail (2018) telah menyatakan bahawa pemimpin yang bijak dapat mempengaruhi guru dengan menggunakan gaya kepimpinan beretika bagi meningkatkan prestasi guru.



Pede (2015) telah mengkaji tentang seorang pengetua atau pemimpin boleh mempengaruhi semua perkara yang berlaku di sekolah termasuklah sistem pendidikan (organisasi). Kepimpinan seorang pemimpin dipengaruhi oleh hubungan yang positif antara pengetua dan guru dalam membentuk satu jaringan komunikasi yang baik yang boleh meningkatkan kecekapan moral guru dan semangat seorang guru dalam etika kerja mereka (Ibrahim & Amin, 2014). Robbins (2001) menyatakan bahawa kepimpinan merupakan keupayaan pemimpin untuk mempengaruhi orang dibawahnya ke arah mencapai sesuatu pencapaian dalam pengurusan organisasi. Keberkesanannya kepimpinan pengetua bergantung kepada keupayaan dalam sikap kepimpinan yang positif untuk melaksanakan tanggungjawab dan tugas di sekolah. Selain itu, pemimpin juga bukan sahaja menetapkan sasaran yang perlu dicapai kepada orang bawahan tetapi seorang pemimpin perlu bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh bersama





orang bawahan untuk mencapai sasaran, matlamat dan objektif sesebuah organisasi (sekolah) (Leithwood & Riehl, 2003). Menurut Pihie dan Elias (2001) keseronokan dalam melakukan tugas apabila mempunyai pemimpin yang beretika dan dapat memotivaskan guru serta meningkatkan kecekapan moral guru.

Peterson dan Deal (1998); Ibrahim dan Amin (2014); Crevola, Hill dan Fullan (2006); dan Christie (2000) telah menyatakan bahawa seorang pengetua yang bergelar pemimpin di sekolah perlu mempunyai kepimpinan beretika yang efektif dan terunggul kerana kepimpinan mempengaruhi semua perkara dalam sistem pendidikan terutamanya mempengaruhi peningkatan mutu kecekapan moral seorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, dirujuk juga melalui kajian lepas oleh Leithwood dan Riehl (2003) yang menyatakan bahawa maksud kepimpinan mempunyai dua teras definisi iaitu menyediakan hala tuju para guru dan melaksanakan pengaruh terhadap kecekapan moral guru dari segi tingkah laku dan sikap mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Persepsi guru terhadap kepimpinan beretika pengetua akan mempengaruhi tahap kecekapan moral para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Hallinger (2011) pengetua sebagai seorang pemimpin selalu didesak supaya mengamalkan kepimpinan beretika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kerana diyakini menyumbang kepada kecekapan moral guru. Muijs, Harris, Lumby, Morrison dan Sood (2006) menyatakan bahawa guru akan belajar untuk mempercayai



pengetua melalui pengalaman, hubungan, komunikasi, dan interaksi dengan pengetua. Melalui aspek-aspek tersebut dapat menilai tahap keyakinan dan keupayaan kepimpinan pengetua dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Gilstrap dan Collins (2012) komunikasi dan hubungan yang baik antara pemimpin dan orang bawahan dapat mencapai kecekapan moral guru.

Fathurrahman (2018) perkembangan teknologi terkini memerlukan usaha yang lebih bagi meningkatkan mutu pendidikan terutamanya penyesuaian teknologi digital dalam dunia pendidikan. Kepimpinan beretika pengetua penting dalam menyediakan keperluan guru mengikut peredaran teknologi terkini. Keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dilaksanakan lebih unik dengan penggunaan teknologi terkini yang diterapkan kepada para pelajar dan guru bagi mempelbagaikan cara pengajaran yang terunggul dan terkini (Ibrahim & Amin, 2014). Fatimah (2014) kecekapan moral guru berhasil apabila disediakan keperluan pengajaran dan pembelajaran mengikut perubahan teknologi bagi mencapai kualiti dan hasil pendidikan yang cemerlang.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh kepimpinan beretika pengetua terhadap kecekapan moral guru subjek pengurusan. Menurut Lind (2014), kecekapan moral merupakan tahap keupayaan seorang guru dalam menyelesaikan konflik dan keraguan melalui pemikiran dan perbincangan dengan berkongsi pengetahuan tentang subjek pengurusan secara menyeluruh tanpa timbul kesalahan pemahaman tentang input pembelajaran subjek tersebut. Kecekapan moral boleh juga didefinisikan sebagai orientasi yang berkesan untuk menunjukkan tingkah laku guru dalam menumpukan cara pengajaran subjek pengurusan ini dan dapat mengenal pasti kelakuan, nilai, serta



kemahiran yang lebih efektif. Berdasarkan pernyataan oleh Toom, Husu dan Tirri (2015) kecekapan moral mempengaruhi dalam menghuraikan secara lebih teliti tentang sesuatu subjek semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Mohamad dan Yaacob (2013) kualiti kecekapan moral dinilai apabila pengetua memahami tentang keperluan pengajaran dan pembelajaran yang perlu disediakan.

Selain itu, sesi pengajaran yang mempunyai moral kerja yang teratur dan cekap adalah bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran kecekapan seorang pengetua sekolah dalam mengurus, melatih, dan menjaga hubungan yang positif dengan para guru, dimana keadaan tersebut boleh mempengaruhi hubungan antara guru dan pelajar di dalam kelas (Toom et al., 2015). Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh mana kepimpinan beretika seorang pengetua boleh mempengaruhi kecekapan moral guru subjek pengurusan yang secara langsung memberi kesan terhadap proses pengajaran, pelajar dan juga kakitangan pentadbir sekolah.

### 1.3 Penyataan Masalah

Pengetua sekolah memainkan peranan penting dalam membangunkan dan meningkatkan kecekapan moral, nilai, dan kemahiran dalam kalangan para guru. Pengetua sebagai seorang pemimpin mempunyai banyak tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul termasuklah mengawal pekerja dalam mempromosikan amalan moral dan membentuk pekerja yang mempunyai kecekapan moral melalui komunikasi (Chang, Cheng, Kuo & Cheung, 2014). Kepimpinan beretika pengetua berupaya untuk mendorong orang bawahan ke arah kecemerlangan sekolah (Nurul Syafiqah & Jamalul



Lail, 2018). Namun begitu, terdapat sesetengah pengetua sekolah sering fokus kepada aspek kognitif dan akademik iaitu berkaitan dengan tanggungjawab sahaja (Hamilton, 2007; Glickman, Gordon & Ross-Gordon, 2005; Ibrahim & Amin, 2014). Terdapat segelintir pengetua kurang mengambil berat terhadap kebijakan para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Northouse, 2016). Pengetua kurang membantu dalam penyediaan sumber dan bahan rujukan serta keperluan dalam proses pembelajaran dan pembelajaran. Sikap ini tidak menunjukkan penjagaan beretika pemimpin terhadap orang bawahan.

Menurut Hamilton (2007) sesetengah pengetua sekolah tidak mempraktikkan sikap yang baik dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas. Ini memberi kesan yang tidak bagus untuk seorang pengetua yang bergelar pemimpin kerana boleh merosakkan hubungan dengan orang bawahan. Mengelak daripada menyelesaikan masalah dan melepaskan masalah tersebut kepada pihak lain terutama dilepaskan kepada guru akan merosakkan kecekapan moral guru. Azlina dan Sew Lee (2011) menyatakan bahawa kecekapan moral guru merosot disebabkan oleh pengagihan tugas yang tidak sepatutnya dibuat oleh guru. Selain itu, bercakap dibelakang tentang keburukan guru dengan kakitangan yang lain juga merupakan sikap yang tidak baik. Sikap ini boleh menyebabkan pandangan serong orang bawahan terhadap kepimpinan seorang pemimpin.

Hamilton (2007) sikap pengetua yang memarahi dan menyalahkan guru tanpa membuat pemeriksaan. Sikap ini tidak bagus untuk seorang pengetua yang beretika dalam kepimpinan dan ini boleh merosakkan hubungan antara pengetua dan guru. Baharom et al. (2015) menyatakan bahawa isu ini timbul apabila tidak menggunakan



kepintaran tetapi menggunakan andaian dan keputusan tanpa usul periksa dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Berdasarkan kajian Starratt (1994) telah menyatakan bahawa kepimpinan beretika dipengaruhi oleh tiga dimensi etika iaitu keadilan beretika, kritikan beretika, dan penjagaan beretika. Kesemua permasalahan yang dikenal pasti tidak menunjukkan sikap yang tergolong dalam ketiga-tiga dimensi tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membantu dalam membangunkan dan meningkatkan kepimpinan beretika yang boleh mempengaruhi para guru secara berkesan terutama dalam kecekapan moral seseorang guru untuk lebih berkemahiran, berilmu pengetahuan luas, dan kreatif dalam menyampaikan idea yang baru serta bernas khususnya dalam pengajaran subjek pengurusan. Pengaruh kepimpinan beretika pengetua fokus kepada kecekapan moral guru subjek pengurusan kerana kebiasaannya pengetua sering memberi perhatian kepada guru-guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, dan Matematik sahaja disebabkan subjek-subjek ini merupakan subjek teras dan wajib dalam pengajaran dan pembelajaran. Sering kali guru-guru subjek pengurusan seperti Ekonomi, Pengurusan Perniagaan, Keusahawanan, Prinsip Perakaunan, dan Perdagangan diabaikan. Oleh sebab itu, kajian ini menumpukan kecekapan moral guru subjek pengurusan sahaja.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh kepimpinan beretika yang diamalkan oleh pengetua terhadap kecekapan moral guru subjek pengurusan di sekolah menengah Daerah Larut Matang dan Selama, Perak.





## 1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif-objektif kajian:

- 1) Mengenal pasti tahap kepimpinan beretika pengetua dan kecekapan moral guru subjek pengurusan.
- 2) Mengenal pasti hubungan antara tiga dimensi kepimpinan beretika pengetua dan kecekapan moral guru subjek pengurusan.
- 3) Mengenal pasti pengaruh kepimpinan beretika pengetua terhadap kecekapan moral seorang guru subjek pengurusan.



Untuk mencapai objektif kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dibina;

- 1) Apakah tahap kepimpinan beretika pengetua dan kecekapan moral guru subjek pengurusan?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara tiga dimensi kepimpinan beretika pengetua dengan kecekapan moral guru subjek pengurusan?
- 3) Adakah kepimpinan beretika pengetua mempengaruhi kecekapan moral seorang guru subjek pengurusan?





## 1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis berikut:

$H_a^1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tiga dimensi kepimpinan beretika pengetua dan kecekapan moral guru subjek pegurusan.

$H_a^{1.1}$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara keadilan beretika dan kecekapan moral guru subjek pengurusan.

$H_a^{1.2}$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara kritikan beretika dan kecekapan moral guru subjek pengurusan.


$H_a^{1.3}$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara penjagaan beretika dan kecekapan moral guru subjek pengurusan.

$H_a^2$ : Kepimpinan beretika pengetua adalah signifikan dalam mempengaruhi kecekapan moral guru subjek pengurusan.

## 1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori sangat penting dalam menghuraikan dapatan kajian (Eady-Mays & Artresa, 2016). Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh kepimpinan beretika pengetua terhadap kecekapan moral guru subjek pengurusan. Oleh itu, dalam kajian ini telah mengfokuskan kepada kerangka teori daripada kajian lepas tentang modul '*Multiple Ethics Paradigms*' yang terdiri daripada tiga dimensi etika yang berbeza iaitu keadilan beretika, kritikan beretika, dan penjagaan beretika. Rujuk Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Sumber Starratt (1994), Kerangka Teori 'Multiple Ethical Paradigms'

Penggunaan modul ini bagi menerangkan lebih lanjut tentang pengaruh kepimpinan beretika pengetua terhadap kecekapan guru. Ketiga-tiga dimensi ini mempunyai pengaruh terhadap kecekapan moral guru yang tersendiri (Starratt, 1994).

Dalam hal ini, pengetua memainkan peranan dalam membuat keputusan terbaik dan bijak dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berunsurkan ketiga-tiga dimensi dalam kepimpinan beretika beliau dengan lebih parodoks dan rumit (Shapiro & Gross, 2008).

Pemimpin di era pemodenan lebih berhadapan dengan situasi yang mencabar dengan memikul aspek tanggungjawab yang menyeluruh. Berdasarkan kajian (Starratt, 1994) di Rajah 1.1 menerangkan bahawa keadilan beretika merujuk kepada hak, undang-undang, dan polisi. Keadilan beretika ini fokus kepada satu konsep yang berkaitan dengan keadilan, kesamarataan, dan kebebasan individu (Shapiro & Gross, 2008). Keadilan beretika dapat diklasifikasikan juga sebagai perilaku pemimpin dalam melaksanakan hak, undang-undang dan polisi dalam pentadbiran organisasi (Hizam, Jaafar & Zafir, 2000). Mempamerkan sikap kepimpinan yang beretika dalam memenuhi



secara keseluruhan aspek semarataan hak orang bawahan, penggubalan undang-undang dan polisi yang profesional. Starratt (1994) menyatakan berdasarkan modul dimensi tersebut bahawa keadilan beretika adalah dengan memberi layanan yang adil terhadap semua golongan. Penyediaan kebajikan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira status dapat menunjukkan sikap keadilan pemimpin dalam memberi kemudahan kepada orang bawahan.

Antara etika kedua yang ditunjukkan dalam kerangka teori tersebut adalah kritikan beretika. Etika ini menjelaskan tentang pendidik akan menitikberatkan urusan yang melibatkan kategori, agama, jantina, dan lain-lain yang berbeza termasuklah siapa yang merangka undang-undang, hak, dan polisi, siapa yang memperoleh kebaikan daripada terbentuknya undang-undang, hak, dan polisi (Shapiro & Gross, 2008). Etika ini lebih kepada kritikan dan soalan yang diusulkan berkaitan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang, hak, dan polisi sekolah. Teori ini mengkritik dan mempersoalkan lebih jelas tentang keadilan tentang sesuatu terutama yang melibatkan kepimpinan. Menurut Starratt (1994) konsep kritikan beretika ini mengalakkan perbincangan di kalangan orang bawahan serta guru-guru dan secara tidak langsung mengurangkan konflik di antara kakitangan kerana pemimpin mementingkan hubungan. Andersen (2002) telah menyatakan bahawa kepimpinan merupakan penyebab kepada keberkesanan organisasi melalui kritikan beretika terhadap semua aspek yang berkaitan hak, undang-undang, dan polisi.





Manakala, penjagaan beretika pula telah dikaji oleh beberapa orang ahli etika (Shapiro & Gross, 2008; Starratt, 1994; Shapiro & Stefkovich, 2001, 2005, 2011) menerangkan tentang konsep penjagaan beretika ini adalah berkaitan dengan kesetiaan, kepercayaan, dan ambil berat. Etika ini lebih merujuk kepada sesuatu hubungan yang terjalin daripada hubungan yang positif dan juga merujuk kepada sesuatu keputusan serta tindakan (Northouse, 2006). Etika ini berkaitan dengan prinsip moral, nilai, dan menentukan hak berdasarkan tingkah laku, sikap dan tindakan seseorang (Atwijuka & Caldwell, 2017). Starratt (1994) juga menyatakan bahawa penjagaan beretika ini lebih mementingkan ke arah hubungan kemanusiaan. Dalam kata lain, penjagaan dan menitiberatkan tentang kakitangan bawahan dapat membina hubungan yang positif seterusnya dapat mendorong peningkatan kecekapan moral guru.



Berdasarkan kebanyakan polisi sekolah menyatakan bahawa pengetua sekolah mesti mengamalkan kepimpinan beretika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka kerana segala tindakan dan perlakuan yang diamalkan boleh mempengaruhi kecekapan guru keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah (Andersen, 2006). Pengetua sekolah merupakan model contoh dan orang terpenting yang akan diikuti dan dicontohi oleh orang bawahan iaitu pelajar, guru, dan kakitangan pentadbir sekolah (Fullan, 2007; Hallinger, 2009). Di samping itu, para guru pula akan mempraktikkan sikap dan kecekapan moral yang diteladani daripada kepimpinan beretika pengetua seterusnya situasi tersebut akan memberi kesan kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Melchar dan Bosco (2010); Ibrahim dan Don (2014) telah menjelaskan dalam kajian mereka bahawa amalan kepimpinan beretika pengetua membantu meningkatkan keupayaan orang bawahan dalam pengurusan dan pentadbiran.






Seorang guru yang mempunyai tahap kecekapan moral yang tinggi dapat membantu dalam meningkatkan prestasi pengajaran mereka terutama dalam subjek pengurusan. Berdasarkan kenyataan daripada Lind (2014), kecekapan moral yang telah diterapkan dalam diri seorang guru boleh membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran subjek pengurusan dan memberi satu hubungan yang positif di antara guru dan pelajar tersebut. Selain itu, melalui kecekapan moral itu juga boleh meningkatkan pemahaman pelajar itu tentang subjek pengurusan dalam proses pembelajaran di dalam kelas (Ahmad Fadhil, 2011). Ini kerana, guru dapat memberi pengajaran yang sempurna dan pemahaman yang sangat teliti apabila mereka mempunyai kecekapan moral yang tinggi.



### **1.9 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka kajian yang dibentuk berdasarkan teori kajian terdahulu bagi menerangkan secara ringkas bentuk kajian yang dibuat, hala tuju kajian, format kajian, dan peringkat-peringkat dalam kajian. Kerangka kajian ini juga menerangkan lebih jelas tentang hubungan di antara boleh ubah bebas dan boleh ubah bersandar seperti ditunjukkan di Rajah 1.2.





Rajah 1.2. Rajah Konseptual Kajian Menunjukkan Pengaruh Antara Kepimpinan Beretika terhadap Kecekapan Moral Guru Subjek Pengurusan

Penyelidik telah menentukan kerangka konseptual kajian hasil daripada teori-teori lepas. Berdasarkan Rajah 1.2 dapat dilihat pemboleh ubah bebas adalah kepimpinan beretika yang terdiri daripada tiga dimensi etika iaitu keadilan beretika, kritikan beretika, dan penjagaan beretika. Seorang pengetua perlu mempunyai kepimpinan beretika dan mengamalkan ketiga-tiga dimensi etika tersebut dalam tugas dan tanggungjawab beliau sebagai seorang pemimpin. Fullan (2007) telah menyatakan bahawa selaku seorang pemimpin di sekolah perlu mempamerkan sikap kepimpinan yang beretika kerana dapat mempengaruhi pelbagai aspek terutama kepada orang bawahan.

Pemboleh ubah bersandar adalah kecekapan moral guru berdasarkan kenyataan daripada (Cheng & Chang, 2014). Kepimpinan beretika boleh mempengaruhi kecekapan moral seorang guru kerana kepimpinan beretika ini melibatkan seorang pemimpin dapat meningkatkan dan meluaskan persepsi pengikutnya tentang



tanggungjawab dan peranan beliau di sekolah. Menurut Izani dan Don (2014), peningkatan kecekapan moral guru dipengaruhi melalui perlakuan pengetua dengan menurunkan amalan yang baik terhadap orang bawahan. Rajah 1.2 menunjukkan tiga dimensi etika, yang pertama adalah keadilan beretika yang menfokuskan tentang pelaksanaan hak, undang-undang, dan polisi di sekolah. Pengetua sekolah haruslah menyemak dan menganalisis asas prinsip undang-undang dan polisi sekolah sama ada bersesuaian dan tidak menyusahkan komuniti seperti guru, pelajar, dan kakitangan sekolah. Etika ini memberi kesan terhadap kecekapan moral seorang guru berdasarkan cara kepimpinan seorang pemimpin melalui sikap dan tindakan beliau dalam mengendalikan hal-hal berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran guru di kelas dengan adil dan saksama (Starratt, 1994). Jika hak, undang-undang, dan polisi bersesuaian, adil dan tidak merumitkan proses pengajaran, moral kecekapan guru akan meningkatkan dan secara tak langsung akan meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar subjek pengurusan di kelas.

Dimensi etika kedua adalah kritikan beretika di mana etika ini lebih kepada mengkritik pelaksanaan hak, undang-undang, dan polisi yang digubal. Pengetua sekolah akan lebih fokus kepada undang-undang, kuasa birokratik sekolah, dan polisi yang boleh menjaskankan kepimpinan beretika beliau jika tidak berlandaskan hak komuniti (Shapiro & Gross, 2008). Pengetua sekolah akan mempersoalkan segala kemungkinan yang timbul berkaitan dengan hak, undang-undang, dan polisi pada pihak kementerian bagi membantu meningkatkan sistem pendidikan (Starratt, 1994). Berbeza dengan etika terakhir iaitu penjagaan beretika yang menitikberatkan hal-hal berkaitan kebijakan pengikut atau orang bawahan seperti guru, pelajar, dan kakitangan sekolah (Shapiro & Gross, 2008). Starratt (1994) juga ada menyatakan bahawa etika ini





bergantung kepada cara, sikap dan tindakan pengetua terhadap penjagaan hasil kerja, budaya kerja dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai pemimpin. Pemimpin perlu mengambilberat dan menitikberatkan keadilan tanpa mengira perbezaan kaum, kelas, dan jantina (Pepin-Gerstl, Killen & Hasazi, 2006).

Berdasarkan kajian lepas Kole (2011) telah menyatakan bahawa seorang pemimpin sekolah yang berprofesional perlu memainkan peranan penting dan mengamalkan kepimpinan beretika yang bagus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Seterusnya, boleh memberi kesan kepada peningkatan moral kecekapan seorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek pengurusan (Fullan, 2007). Isu utama yang dititikberatkan dalam proses pengajaran subjek ini adalah moral, sikap, dan tindakan guru dalam menyampaikan pelbagai cara pengajaran yang kreatif bagi memudahkan pemahaman pelajar tentang subjek tersebut dan boleh meningkatkan prestasi keputusan yang cemerlang (Ahmad Fadhil, 2011). Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kecekapan moral yang tinggi datang daripada cara kepimpinan beretika pemimpin dalam memberi pengaruh yang kuat terhadap pengikutnya dan membantu dalam peningkatan prestasi pelajar.

## 1.10 Kepentingan Kajian

Kepimpinan beretika pemimpin merupakan satu topik kritikal untuk dibincangkan dalam kajian ini kerana pengaruh terhadap kecekapan moral guru khususnya terhadap guru subjek pengurusan. Oleh itu, kajian ini telah dibuat untuk mendapatkan dapatan kajian yang tepat bagi membuktikan, mengkaji dan mencari jawapan persoalan kajian





serta boleh membantu sekolah dalam mempertingkatkan kecekapan moral guru melalui kepimpinan beretika pemimpin seterusnya memberi kesan kepada prestasi pelajar.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan kepimpinan beretika pengetua dan bagaimana kepimpinan beretika tersebut boleh mempengaruhi kecekapan moral seorang guru antaranya kajian daripada Northouse (2016); Shapiro dan Gross (2008); Starratt (1994); Fullan (2007) dan lain-lain. Berdasarkan kajian lepas daripada Fischer (2017); Melchar dan Bosco (2010), pengetua sekolah perlu mengambil tindakan yang efektif sebagai seorang pemimpin ataupun ketua kerana ia memberi pengaruh dan boleh memotivasi para guru untuk meningkatkan kecekapan moral mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik. Melalui kajian ini dapat menerangkan lebih lanjut tentang kesan pengaruh di antara dua pemboleh ubah iaitu kepimpinan beretika dan juga kecekapan moral. Isu utama dalam kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan korelasi antara pemboleh ubah tersebut. Penyelidik telah menggunakan SPSSs untuk menganalisis data yang boleh menunjukkan keputusan tentang korelasi antara pemboleh ubah tersebut melalui analisis deskriptif statistik iaitu min, sisihan piawai, perpuluhan, dan frekuensi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas telah menekankan bahawa kepimpinan beretika sangat penting terutamanya untuk peningkatan prestasi pengajaran di sekolah (Adams, 2016; Hallinger, 2008, 2011). Bagi peningkatan prestasi sekolah, pengetua perlu menjaga tindakan dan tanggungjawab beliau sebagai pemimpin untuk meningkatkan kecekapan moral guru seperti mengadakan program untuk latihan kepada para guru supaya lebih efektif, berkemahiran dan berpengetahuan luas dalam meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran terutamanya subjek pengurusan. Kajian ini juga





dapat membantu kakitangan pentadbir untuk lebih profesional dalam mentadbir sistem dan pembangunan pendidikan.

Melalui kajian penyelidik dapat mempelajari lebih lanjut tentang kepimpinan beretika pengetua dan kecekapan guru, khususnya, guru subjek pengurusan untuk membuat perancangan yang lebih strategik dari segi cara kepimpinan seorang pemimpin yang memberi kesan positif kepada kecekapan moral seorang guru. Ibrahim dan Amin (2014) telah menerangkan lebih jelas tentang kecekapan moral dipengaruhi oleh cara kepimpinan pengetua dan seterusnya memberi kesan kepada prestasi pelajar.

### 1.11 Batasan Kajian



Pengumpulan data adalah melalui soal selidik yang hanya fokus kepada kepimpinan beretika pengetua dan kecekapan moral guru tidak mengambil kira faktor lain. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan pensampelan sistematik bagi mengumpul sampel data dari guru di sekolah menengah harian. Sampel hanya diambil dari kalangan guru subjek pengurusan di sekolah menengah Daerah Larut Matang dan Selama. Jawapan responden bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan soal-selidik.





## 1.12 Definisi Operasional

Definisi yang menerangkan item perkataan dan istilah tertentu yang digunakan merujuk kepada kajian terdahulu.

### 1.12.1 Pemimpin

Pemimpin boleh didefinisikan sebagai seseorang yang bertanggungjawab dalam memegang jawatan yang paling tinggi dalam hierarki dan mempunyai pengaruh yang kuat kepada orang bawahan (Spillane, 2006; Zener, 2011; Northouse, 2016; Chiles, 2015). Dalam kajian ini, pemimpin merujuk kepada pengetua sekolah menengah.



### 1.12.2 Kepimpinan

Maksud kepimpinan telah dijelaskan dalam kajian-kajian yang lepas. Kepimpinan bermaksud seseorang yang memainkan peranan penting untuk memotivasi ahli kumpulan atau komuniti untuk lebih efektif dalam menjalankan tugas bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi (Hamilton, 2007; Starratt, 1994; Kelley, Thornton & Daugherty, 2005; Northouse, 2016). Dalam kajian ini, kepimpinan merujuk kepada pengetua sekolah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau di sekolah.





### 1.12.3 Kepimpinan Etika

Berdasarkan Rucinski dan Bauch (2006); Starratt (1994); Shapiro dan Gross (2008), etika dijelaskan merangkumi tiga dimensi yang berbeza iaitu keadilan beretika, kritikan beretika, dan penjagaan beretika. Ketiga-tiga dimensi ini mempunyai maksud yang berbeza daripada teori kajian lepas. Dalam kajian ini, etika merujuk kepada seseorang individu yang mempunyai prinsip moral, nilai, dan kepercayaan yang menerangkan baik dan buruk sesuatu tindakan dan sikap. Terdapat faktor lain yang boleh menerangkan lebih lanjut tentang definisi etika ini. Peranan kepercayaan, peranan nilai, pengalaman, dan pendidikan yang akan menyumbang faktor yang berkaitan dengan definisi etika (Pede, 2015).



Menurut Rucinski dan Bauch (2006), kepimpinan beretika dikenali sebagai satu konsep tugas dan tanggungjawab pemimpin dalam organisasi. Kepimpinan adalah satu tanggungjawab bagi seorang pengetua sekolah untuk melaksanakan tugas sebagai ketua dengan mengamalkan kepimpinan beretika yang boleh mempengaruhi kecekapan moral seorang guru dalam proses pengajaran di sekolah (Starratt, 1994; Northouse, 2016). Dalam kajian ini, kepimpinan beretika merujuk kepada tugas dan tanggungjawab pengetua seperti menyediakan bantuan kepada guru, menunjukkan toleransi yang baik, mewujudkan strategi yang sistematik, dan cara yang inovatif dalam mencapai matlamat dan objektif sekolah.





#### **1.12.4 Keadilan Beretika**

Keadilan beretika merujuk kepada asas prinsip undang-undang sama ada tindakan yang diambil oleh pihak sekolah sah atau tidak sah untuk digunakan dalam komuniti termausk guru, pelajar, dan kakitangan sekolah (Starratt, 1994; Northouse, 2016). Dalam kajian ini, keadilan beretika merujuk kepada bagaimana seorang pemimpin menerapkan gaya kepimpinan beretika mereka berdasarkan prinsip perundangan seperti mengambil pendirian tegas, mengelakkan memperbesar-besarkan kesalahan kakitangan, menjaga hubungan baik dengan kakitangan, mengelak sabotaj, dan lain-lain.



#### **1.12.5 Kritikan Beretika**

Kritikan beretika adalah satu etika yang merujuk kepada undang-undang, struktur kuasa birokrasi, dan dasar yang menjadi panduan dalam sistem pendidikan di sekolah (Starratt, 1994). Selain itu, kritikan beretika melibatkan komunikasi yang berkesan bagi menyokong segala kenyataan yang dibincangkan oleh ahli lain berkaitan ganjaran, hukuman, dan hak keatas komuniti serta akan dilaksanakan strategi dan polisi untuk penilaian kebaikan dan keistimewaan yang dilakukan untuk komuniti terutamanya guru (Northouse, 2016).





### 1.12.6 Penjagaan Beretika

Penjagaan beretika melibatkan keadilan dan kesaksamarataan dalam hubungan yang boleh membina satu hubungan yang positif antara satu sama lain (Starratt, 1994). Melalui kajian ini, penjagaan beretika merujuk kepada hubungan di antara pengetua sekolah dan pengikutnya, terutamanya para guru.

### 1.12.7 Kecekapan Moral

Berdasarkan kajian Handford (2011), kecekapan moral merujuk kepada kemahiran kerja dan hasil kerja yang lebih teratur dengan tugas yang diberikan. Kecekapan moral juga boleh dikaitkan dengan keupayaan dan sikap guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak sekolah (Hamilton, 2007). Dalam kajian ini, kecekapan moral merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran terutama subjek pengurusan di sekolah seperti interaksi dan hubungan yang baik antara guru dan pelajar, meningkatkan kemahiran yang lebih berprofesional dan menggunakan sumber pembelajaran yang terkini kepada para pelajar.





### 1.12.8 Subjek Pengurusan

Subjek pengurusan ini merupakan satu subjek yang berkaitan dengan pembelajaran tentang fungsi pengurusan perniagaan, teori pengurusan, strategi pengurusan, pengurusan kewangan, perdagangan, asas pengurusan organisasi dan sebagainya. Menurut (CTEC, 2012), pelajar akan mempelajari tentang sesuatu pengurusan, contohnya, pengurusan perniagaan yang akan menerangkan lebih jelas tentang proses permulaan dalam membangunkan perniagaan, penggunaan sumber yang berkesan dan cekap, cara mengendalikan kakitangan, merancang strategi, dan lain-lain yang berkaitan dengan pengurusan. Pengurusan ini merangkumi skop yang besar dan perlu memahami serta mempelajari dengan lebih mendalam dan teliti. Subjek pengurusan terdiri daripada subjek Pengurusan Perniagaan, Ekonomi, Keusahawanan, Prinsip Perakaunan, dan Perdagangan.



### 1.13 Rumusan

Tahap kejayaan kepimpinan seorang pemimpin dalam menguruskan tugas dan tanggungjawab di sekolah adalah menjaga hubungan dan komunikasi yang baik dengan para guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kepimpinan beretika pengetua dengan kecekapan moral guru subjek pengurusan. Dalam bab 2 pula akan membincangkan tentang kajian literatur yang mengulas beberapa teori yang akan menyokong kajian ini.

